

Headline	Pengasapan biodiesel sesuai untuk PBT		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	29 Jan 2017	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	12	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	84 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,235
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,706



Pengasapan biodiesel sesuai untuk PBT

CYBERJAYA 28 Jan. - Formulasi biodiesel untuk pengasapan nyamuk aedes wajar diguna pakai oleh semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara dalam usaha penjimatan kos bahan pengasapan diesel yang digunakan sekarang.

Ketua Program Teknologi Biomas Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Wan Asma Ibrahim berkata, formulasi biodiesel yang dicipta tanya daripada minyak masak terpakai itu dapat membunuh 70 peratus nyamuk dewasa hanya dalam tempoh sejam.

Beliau berkata, turut diberi penekanan dalam ciptaannya adalah pengurangan kesan toksik hidrogen sulfat dalam pengasapan diesel sedia ada terhadap

manusia.

“Daripada minyak masak terpakai ia diformulasikan kepada biodiesel biasa. Asalnya juga wangи dan tidak membedihkan mata serta tidak memberi kesan pada kulit manusia.

“Jika semua PBT menggunakan formulasi ini dijamin dapat mengurangkan kos perubatan dan rawatan kakitangan yang mengendalikan pengasapan selain menjimatkan kos pembelian bahan pengasapan yang agak tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam majlis penyampaian sijil *Malaysia Book of Records* kepada kumpulan penyelidik Program Biomas Teknologi dan Majlis Perbandaran Sepang (MPS) di sini, baru-baru ini.